

TEKS UCAPAN ALUAN

YANG BERBAHAGIA

PROF. EMERITUS DATUK DR. RADUAN CHE ROS

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UITM

SEMPENA

BICARA TOKOH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

YB TAN SRI DATO' (DR) JOHARI BIN ABDUL

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis,

SALUTASI

Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Negeri Sembilan,

Para pensyarah, **rakan-rakan media**, mahasiswa,

Serta Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADINI, dan Salam
UiTM Di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam Program BICARA TOKOH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT : TAN SRI DATO' (DR) JOHARI BIN ABDUL.

2. Saya mengambil kesempatan ini, mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr) Johari bin Abdul dalam menjayakan program yang amat bermanfaat ini. Sekalung penghargaan juga buat Encik Abdulhadi bin Khalid, Pegawai Tugas-Tugas Khas Parlimen Malaysia,

dan wakil-wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta Sekretariat Mahasiswa Fakultas (SMF).

3. Saya pasti dengan kehadiran semua yang berada di sini, khususnya warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang saya kasihi, akan menjadikan program ini lebih bermakna dan berprestij.

Para hadirin sekalian,

4. Bak kata Imam Al-Ghazali, “ilmu tanpa adab, ibarat pohon tanpa buah”. Ungkapan ini bukan sahaja mencerminkan kepentingan memperoleh pengetahuan, tetapi juga mengenai kepentingan dalam mengamalkan nilai dan etika murni seperti adil, bertanggungjawab, dan berintegriti. Ilmu dan etika ini harus bersatu agar dapat memberikan manfaat sejati. Prinsip ini bukan hanya

relevan dalam bidang ilmu pengetahuan, tetapi juga penting dalam konteks kepemimpinan.

5. UiTM memainkan peranan yang besar untuk membentuk generasi yang unggul dari segi akademik, moral, dan kepemimpinan. Sesuai dengan kata-kata bijak Ibn al-Qayyim, setiap hari adalah peluang untuk memperbaiki diri, meningkatkan ilmu, dan mendekatkan diri kepada Tuhan. Oleh itu, marilah kita manfaatkan setiap saat di universiti ini, untuk memperkayakan diri kita, bukan hanya dari segi ilmu pengetahuan, tetapi juga sebagai individu yang bertanggungjawab dan berakhlak mulia.

6. Keberadaan YB Tan Sri Dato' Johari bin Abdul di bersama kita hari ini melambangkan satu komitmen jitu ke

arah merealisasikan tekad kita mencanai generasi celik ilmu dan adab. Saya harap, kita gunakan peluang yang ada ini untuk sama-sama kita dengar dan ajukan pertanyaan dengan semangat serta niat untuk menambah ilmu serta mendekatkan diri kepada kebenaran.

7. Kita perlu yakin, bahawa mahasiswa dan mahasiswi UiTM adalah agen perubahan yang bakal membawa negara ke arah yang lebih baik. Seperti dinyatakan oleh Maulana Rumi, “apabila kita mencari kekuatan di dalam diri, kita pasti akan menemukannya”. Justeru, ilmu yang dipelajari di sini harus dijadikan kekuatan untuk mengukuhkan kepemimpinan yang adil, berintegriti, dan memberikan dampak positif kepada masyarakat.

Hadirin yang dihormati,

8. Sebelum saya akhiri ucapan ini, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada YB Tan Sri Dato', atas ilmu dan pandangan yang bakal dikongsikan sebentar lagi. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan juga kepada jawatankuasa pelaksana dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

9. Marilah kita sama-sama berdoa agar setiap langkah yang kita laksanakan, akan mendapat keberkatan dan petunjuk dari Allah. Insya-Allah.

Sekian

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**